

04 JUN 1998

Mahathir-Persidangan

MAHATHIR INGATKAN KEMUNGKINAN KEGANASAN TERHADAP PENGUASAAN ASING

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para pemodal asing tentang akibat buruk daripada pengambilalihan ekonomi Asia secara paksa.

Perbuatan itu mungkin menyebabkan rakyat bertindak balas, boleh jadi menerusi keganasan, apabila mereka terasa kehilangan syarikat negara mereka, kata beliau.

Jika arah aliran seperti itu tidak dihentikan, Perdana Menteri, berkata rakyat akan menunjukkan kemarahan mereka terhadap orang luar yang akan menjadi "tuan" mereka sekali lagi.

"Lambat laun mereka akan memikirkan untuk mendapatkan semula kuasa mengawal ekonomi mereka dan mereka akan menganggap ini sebagai satu perang pembebasan bentuk baru.

"Walaupun sekiranya mereka cuba untuk mengelak daripada keganasan, namun keganasan pasti akan berlaku kerana para pemodal baru itu mengabaikan petanda-petandanya," katanya dalam ucap-tama mengenai "Masa Depan Asia dalam Dunia Globalisasi dan Deregulasi" pada persidangan antarabangsa anjuran Nihon Keizai Shimbun, Inc. di sini, hari ini.

"Memanglah tidak akan berlaku peperangan menuntut kemerdekaan, tetapi akan tercetus semacam perang gerila yang pastinya menyusahkan semua orang," katanya kepada lebih 200 ketua korporat, eksekutif perniagaan, pakar ekonomi dan ahli akademik, kebanyakannya dari Jepun dan rantau ini yang menghadirinya.

Dr Mahathir juga mengingatkan Asia supaya berhati-hati terhadap perjuangan ke arah deregulasi dan globalisasi kerana usaha berterusan ke arah matlamat itu adalah lebih banyak didorong oleh keinginan sendiri untuk menguasai daripada untuk memberi bantuan.

"Dasar kapitalis yang hodoh itu seolah-oleh berada di sebalik perhatian yang nampaknya atas dasar kemanusiaan ini. Ia tidak berpersi kemanusiaan langsung dan akibat daripada tuntutan ini akan menyebabkan penduduk di negara-negara terbabit semakin miskin, bukan semakin kaya," katanya.

Penguasaan asing dalam ekonomi-ekonomi yang terjejas oleh krisis mata wang pasti akan membawa kepada satu keadaan apabila ekonomi Asia akan dikuasai oleh syarikat asing yang besdar-besar dan dimiliki serta diuruskan oleh orang bukan Asia.

Dr Mahathir berkata kapitalis, yang suatu ketika dahulu membenci Komunis kerana memusnahkan kebebasan dan demokrasi, kini masing-masing mula melupakan prinsip yang dipegang mereka sehingga konsep bernegara bagi sesebuah negara dan kemerdekaannya mestilah dirombak untuk memenuhi keperluan semasa mereka.

Beliau berkata tekanan terhadap Asia untuk membuka kepada penguasaan asing sudah memuncak seperti yang dibuktikan dalam syarat-syarat bantuan yang dikenakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang mendakwa hanya syarat-syarat itu yang boleh membantu mereka pulih semula.

Negara-negara terbabit dipaksa membatalkan sekatan pemilikan tempatan yang mengakibatkan pelabur asing mengaut aset bernilai trilion dolar daripada bank dan syarikat tempatan walaupun tiada petanda jelas pemulihan akan berlaku, katanya.

Dalam proses itu, Dr Mahathir berkata negara-negara yang terjerumus akibat krisis mata wang yang kini memasuki 11 bulan akan kehilangan identiti ekonomi negara mereka, yang akhirnya akan menghapuskan identiti ekonomi Asia.

Kerajaan yang lemah akibat daripada krisis itu terpaksa menyerah kerana "mereka tahu mereka berdepan dengan kuasa-kuasa yang tidak mampu ditewaskan."

Beliau berkata dalam dunia globalisasi tanpa kawal selia, masa depan Asia akan menjadi sebegitu rapat kaitannya dengan seluruh dunia sehingga ia tidak dapat dibezakan lagi.

Beliau berkata negara-negara Asia mungkin akan makmur semula tetapi bukan sebagai negara Asia.

Asia Tenggara akan menyediakan pangkalan bagi pengeluaran produk kos rendah untuk bersaing dengan ekonomi besar Asia tertentu yang enggan dikuasai dan "akhirnya, negara-negara besar ini juga akan menyerah kalah," katanya.

Dr Mahathir berkata hanya jika negara kapitalis itu sendiri menahan mereka, barulah masa depan dunia, yang Asia adalah sebahagian daripadanya, akan aman dan makmur.

Beliau juga berkata janji-janji mengenai keuntungna yang tidak terhad daripada eksploitasi negara-negara miskin -- yang kini menderita daripada segi ekonomi, sosial dan politik -- menyebabkan kapitalis baru mendesak terhadap deregulasi dan globalisasi tanpa mengira apa carapun.

Bagi negara-negara miskin, beliau berkata "jika kerana sikap boros mereka menyebabkan mereka tidak mampu membayar hutang asing, selepas penyusutan nilai mata wang itu mereka lebih lagi tidak mampu membayar hutang mereka."

"Ini akan menyedarkan mereka tentang kekurangan kemahiran dalam menguruskan syarikat mereka dan mereka akan bersedia menerima modal, perkhidmatan dan penguasaan oleh syarikat asing," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata Asia seharusnya tidak tertipu oleh dakwaan kononnya tanpa deregulasi dan globalisasi, rakyatnya akan terus dibebani oleh ahli perniagaan tempatan yang tidak cekap dan kekurangan modal, yang akan menyediakan barangan dan perkhidmatan bermutu rendah pada harga yang tidak munasabah.

Menerusi deregulasi yang menyeluruh, dunia akan menjadi sebuah negara, terbuka kepada semua orang yang tahu dan boleh mengeksploitasi potensi perniagaan ke peringkat yang maksimum, katanya.

Hasil daripada dunia yang diglobalkan tanpa kawal selia ialah kemunculan syarikat dan bank yang besar-besar dengan cawangan di setiap negara di dunia dengan jumlahnya yang tidak terlalu besar kerana syarikat dan bank kecil akan dimiliki atau ditelan dengan apa cara sekalipun.

"Ada juga kemungkinan syarikat gergasi yang beroperasi di negara-negara yang dipaksa membuka ekonominya akan mempunyai pengaruh yang serupa terhadap kerajaan," kata Perdana Menteri.

Dalam hubungan itu, beliau berkata demokrasi pun terpaksa dikorbankan bagi memberi laluan kepada kuasa pasaran dalam menentukan dasar dan kepimpinan kerajaan.

-- BERNAMA

MR ZK OS NMO